

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATO' DR. SHAMSUL ANUAR
BIN HAJI NASARAH [LENGGONG]**

SOALAN NO. 424

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan adakah Kementerian mempunyai perancangan untuk memberikan tumpuan pembinaan perumahan mampu milik kepada golongan B40 memandangkan mereka juga terbeban dengan harga rumah yang tinggi.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, antara perancangan Kerajaan untuk meningkatkan perumahan mampu milik terutamanya bagi golongan B40 adalah melalui penyediaan 1 Juta Rumah Mampu Milik (RMM) dalam tempoh 10 tahun di seluruh negara. Lanjutan daripada itu, sesi pemurnian data sedang dilaksanakan dengan entiti penyedia rumah bagi mengkoordinasi pengumpulan data dengan lebih menyeluruh.

2. Untuk makluman Yang Berhormat juga, Kerajaan telah menetapkan cadangan sasaran pelaksanaan 1 juta RMM Tahun 2018 hingga 2028 melalui agensi-agensinya yang terlibat seperti berikut:

- (i) Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) : 546,000 unit;
- (ii) Lain-lain Kementerian : 155,788 unit;
- (iii) Kerajaan Negeri : 153,212 unit; dan
- (iv) Pihak swasta : 145,000 unit.

3. Dasar Perumahan Mampu Milik Negara (DRMM) juga telah menggariskan standard dan spesifikasi utama bagi pembangunan rumah mampu milik yang dibangunkan oleh Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri atau pihak swasta. Penetapan harga rumah di bawah DRMM dibahagikan kepada 2 kategori iaitu:

- (i) Harga rumah di bawah RM 150,000; dan
- (ii) Harga rumah di antara RM150,000 hingga RM300,000.

4. KPKT juga akan meneruskan program-program perumahan Kerajaan untuk membantu golongan B40 seperti berikut:

- (i) Projek Perumahan Rakyat (PPR) (PPR Disewa dan PPR Dimiliki);
- (ii) Skim Sewa untuk Dimiliki atau *Rent to Own* (RtO) PPR;
- (iii) Skim Pinjaman Perumahan (SPP);
- (iv) Rumah Transit Belia; dan
- (v) Skim Perumahan Mampu Milik Swasta.